



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH**

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN  
TINGKATAN LIMA**

---

**BAHASA  
MELAYU**

---

---



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

## KANDUNGAN

	v
Rukun Negara	vii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ix
Kata Pengantar	1
Pendahuluan	1-4
Matlamat, Objektif, dan Organisasi Kurikulum	4-6
Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran	7-9
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	9-11
Sistem Bahasa	11
Komponen Kesusasteraan Melayu	12-14
Pengisian Kurikulum	15-47
Huraian Sukatan Pelajaran	

## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## **Kata Pengantar**

Huraian sukatan pelajaran ialah dokumen yang memperincikan sukatan pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pendekatan berpusatkan murid, serta kepelbagaian teknik dan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, dan pembelajaran konstruktivisme. Di samping itu, nilai murni, semangat patriotik, dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Lima menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut aras kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid melalui pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran. Pernyataan tersebut memberikan cabaran yang sesuai dengan murid dalam pendidikan sekolah menengah agar dapat melahirkan murid yang berketerampilan menggunakan bahasa Melayu baku.

Dalam menyediakan huraian sukatan pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa, dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

**(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)**

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## **PENDAHULUAN**

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa khususnya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Penumpuan pada bidang-bidang ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang pekerjaan, dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Di samping itu, komponen kesusasteraan Melayu diharapkan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera. Pendidikan Bahasa Melayu juga memberikan pertimbangan

terhadap pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza antara satu sama lain di kalangan murid dengan menekankan pembelajaran masteri dan penerapan kemahiran bernilai tambah. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan ilmu dan pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Lima merupakan perincian kepada kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah dan berfungsi sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan bagi setiap tingkatan, iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Huraian sukatan pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, Organisasi Kurikulum, Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran, dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran. Organisasi Kandungan merangkumi Penggunaan Bahasa, Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, Komponen Kesusasteraan, dan Pengisian Kurikulum.

## **MATLAMAT**

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan.

## **OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH**

Pada akhir sekolah menengah murid dapat:

- i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta

- ii. mengeratkan hubungan, dan mengurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- iii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- iv. menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- v. mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan bacaan jenis maklumat dan bahan sastera;
- vi. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan; dan
- vii. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

#### **OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TINGKATAN LIMA**

Pada akhir tingkatan lima murid dapat:

- i. Berbicara bersama rakan tentang hal peribadi, keluarga, jiran, isu semasa, perkembangan serantau dan antarabangsa dengan menggunakan bahasa yang santun;
- ii. Berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan dengan mengambil kira terma dan syarat jual beli dalam membuat keputusan sama ada menolak atau menerima barangan dan perkhidmatan;

- iii. berunding untuk menilai sesuatu keputusan dari segi kesan dan akibatnya untuk mencapai kesepakatan;
- iv. membaca bahan teks ilmiah dan teknikal dengan menggunakan teknik bacaan yang berkesan;
- v. membaca bahan sastera dan ilmu untuk tujuan mendapatkan keseronokan dan menganalisis kekuatan dan kelemahan karya;
- vi. menilai maklumat yang diolah dari perspektif yang lebih luas secara berkesan dengan memberikan alasan yang konkrit;
- vii. menyampaikan maklumat dengan menggunakan cara dan bentuk yang efektif;
- viii. menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif yang menggunakan bahasa yang gramatis dan laras yang tepat, serta memperlihatkan pertautan idea dan wacana yang kemas; dan
- ix. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara melalui pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

#### **ORGANISASI KURIKULUM**

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Lima ini mengandungi:

##### **a. Penggunaan Bahasa**

Penggunaan bahasa merangkumi tiga bidang utama, iaitu bidang interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetik. Bagi setiap bidang tersebut terdapat hasil pembelajaran

utama dan hasil pembelajaran khusus yang perlu dikuasai oleh murid.

Penggunaan bahasa bagi bidang interpersonal membolehkan murid memulakan, membina, dan mengekalkan hubungan dengan rakan rapat atau dengan orang lain melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial atau mengurus bagi tujuan komersial. Penggunaan bahasa bagi bidang maklumat membolehkan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu kepada pihak tertentu. Penggunaan bahasa bagi bidang estetik membolehkan murid menikmati karya sastera, bercerita, serta melahirkan idea dan perasaan secara kreatif.

Bidang interpersonal memberikan fokus pada kemahiran lisan, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur. Namun begitu, kemahiran membaca dan menulis perlu juga diterapkan di mana-mana yang sesuai, contohnya membaca dan menulis surat untuk tujuan sosial. Bidang maklumat dan bidang estetik pula memberikan fokus dan penekanan pada kemahiran membaca dan menulis di samping menerapkan kemahiran mendengar dan bertutur. Bidang maklumat menekankan topik ilmu manakala bidang estetik lebih bertumpu pada topik imaginatif.

#### **b. Kemahiran Bahasa**

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

**Kemahiran mendengar** merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

**Kemahiran bertutur** merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan untuk menjalin hubungan, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif, dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

**Kemahiran membaca** merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

**Kemahiran menulis** merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

#### **c. Hasil Pembelajaran**

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang set kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Hasil pembelajaran dibina dengan menyepadukan penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran berbahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih



kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran yang pelbagai dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, hasil pembelajaran juga membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

Terdapat dua hasil pembelajaran dalam kurikulum Bahasa Melayu, iaitu hasil pembelajaran utama dan hasil pembelajaran khusus. Hasil pembelajaran utama dapat dicapai dengan menguasai hasil pembelajaran khusus.

#### **d. Sistem Bahasa**

Sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku.

#### **e. Komponen Kesusasteraan Melayu**

Komponen kesusasteraan Melayu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merangkumi genre novel, cerpen, prosa tradisional, drama, puisi moden, dan puisi tradisional. Melalui komponen ini diharapkan minat membaca, keseronokan membaca, dan penghayatan terhadap bahan sastera dapat dipupuk.

#### **f. Pengisian Kurikulum**

Pengisian kurikulum terdiri daripada elemen yang mencantumkan teras utama dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan perkembangan terkini dalam pendidikan, iaitu ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya,

dan kemahiran bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai murni, serta patriotisme dan kewarganegaraan diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara untuk membangunkan masyarakat madani.

### **PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN**

Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima dipersembahkan dalam tiga lajur. Lajur pertama mengandungi pernyataan Hasil Pembelajaran seperti yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah. Lajur kedua memuatkan Huraian Hasil Pembelajaran, dan lajur ketiga mengandungi Cadangan Aktiviti/Nota.

#### **a. Hasil Pembelajaran**

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberikan tumpuan pada murid untuk menguasai hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran ini terdiri daripada:

- Hasil Pembelajaran Utama

Hasil pembelajaran utama ialah pernyataan kecekapan berbahasa yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum Bahasa Melayu. Pernyataan kecekapan berbahasa ini merangkumi bidang interpersonal, maklumat, dan estetik.

- Hasil Pembelajaran Khusus

Hasil pembelajaran khusus ialah perincian kecekapan berbahasa bagi hasil pembelajaran utama. Kemahiran

mendengar, bertutur, membaca, dan menulis terangkum dalam pernyataan hasil pembelajaran khusus. Hasil pembelajaran khusus disusun dari peringkat mudah ke peringkat yang lebih sukar, dan harus dikuasai oleh murid bagi setiap tingkatan.

Setiap bidang penggunaan bahasa mempunyai sejumlah hasil pembelajaran utama, manakala setiap hasil pembelajaran utama terbina daripada sejumlah hasil pembelajaran khusus yang perlu dikuasai oleh murid. Penomboran hasil pembelajaran bagi bidang penggunaan bahasa adalah seperti yang berikut:

Penggunaan Bahasa	Hasil Pembelajaran Utama	Hasil Pembelajaran Khusus
Interpersonal	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 1.6
	2.0	2.1, 2.2, 2.3, 2.4, 2.5
	3.0	3.1, 3.2, 3.3, 3.4
	4.0	4.1, 4.2
	5.0	5.1, 5.2, 5.3
	6.0	6.1, 6.2, 6.3
Maklumat	7.0	7.1, 7.2, 7.3, 7.4, 7.5, 7.6, 7.7
	8.0	8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5, 8.6, 8.7, 8.8
	9.0	9.1, 9.2, 9.3, 9.4
Estetik	10.0	10.1, 10.2, 10.3, 10.4, 10.5, 10.6
	11.0	11.1, 11.2, 11.3
	12.0	12.1, 12.2, 12.3, 12.4, 12.5, 12.6

#### b. Huraian Hasil Pembelajaran

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur 2 menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Pernyataan Aras 1 hingga Aras 3 dalam Huraian Hasil Pembelajaran ialah perincian

bagi hasil pembelajaran khusus. Pemeringkatan berdasarkan aras ini sejajar dengan pembelajaran masteri yang membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berprestasi rendah. Aras 1 ialah aras paling asas yang harus dicapai oleh semua murid. Kandungan kurikulum bagi aras ini adalah yang paling minimum yang harus dikuasai oleh semua murid tingkatan lima. Aras 2 ialah aras bagi murid yang berprestasi sederhana manakala Aras 3 ialah aras paling tinggi bagi murid yang berprestasi cemerlang.

Apabila murid berupaya mencapai Aras 1, maka mereka boleh meneruskan pembelajaran ke Aras 2 dan seterusnya ke Aras 3. Sekiranya seseorang murid masih tidak berupaya mencapai Aras 1, maka guru hendaklah melatih dan membimbing murid tersebut sehingga mereka menguasai aras tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, penilaian terhadap pencapaian murid bagi setiap aras perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada murid perlu dibimbing lagi atau boleh beralih ke pelajaran seterusnya.

#### c. Cadangan Aktiviti/Nota

Cadangan Aktiviti/Nota dalam lajur 3 mengandungi cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu belajar di bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran meramal dan membuat pilihan menggunakan kajian masa depan dan jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid. Semua cadangan ini hanyalah sebagai panduan bagi guru. Guru boleh mengubahsuaikan atau memilih teknik atau aktiviti lain yang sesuai dengan kebolehan murid.

**Pemaparan Contoh Huraian Sukatan Pelajaran**

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p><b>1.0 Berinteraksi untuk menjalin dan mempererat hubungan mesra</b></p> <p>1.1 Berbual dan berbicara tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian yang menyentuh diri, keluarga, rakan, dan masyarakat dengan menggunakan kata, intonasi, dan nada yang sesuai.</p> <p>1.2 Mendengar dan memberikan respons secara lisan dan bertulis tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Berbual tentang masalah harian dan isu semasa dengan menggunakan ungkapan yang sesuai.</p> <p>ii. Memberikan reaksi yang bersesuaian dengan pernyataan yang dikemukakan oleh orang yang dilaw an berbicara.</p> <p>iii. Mengemukakan alasan untuk menarik diri daripada meneruskan perbualan secara sopan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan sesi perbincangan intelek dalam kumpulan kecil untuk meningkatkan kecemerlangan remaja kini dengan menggunakan kata dan ungkapan yang sesuai.</li> <li>• Reaksi verbal dan nonverbal harus digalakkan misalnya mengiakan pernyataan, mengangguk, memperlihatkan kekaguman dan mendapatkan penegasan.</li> <li>• Contoh pernyataan menarik diri "Maafkan saya, saya terpaksa..."</li> </ul>

Hasil Pembelajaran Khusus

Hasil Pembelajaran Utama

Pernyataan yang mengandungi kemahiran berbahasa yang berkait dengan HPK 1.1

Cadangan aktiviti pengajaran bagi Pernyataan Aras 1 i.

Catatan berkaitan dengan aktiviti p-p atau pernyaaan bagi Aras 1 ii.

## **STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

### **a. Pendekatan Berpusatkan Murid**

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa. Pendekatan berpusatkan murid selari dengan pembelajaran masteri yang menekankan keperluan memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Melalui pembelajaran masteri, murid diberi peluang untuk maju mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam hal ini aktiviti penilaian, pemulihan, dan pengayaan perlu dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

### **b. Kepelbagaian Teknik**

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Kaedah dan teknik perbincangan, simulasi, projek, dan inkuiri berasaskan pembelajaran kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, dan konstruktivisme umpamanya, dapat meningkatkan minat murid terhadap pelajaran. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik, serta penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berinteraksi serta berfikir secara kritis dan kreatif.

### **c. Kepelbagaian Sumber dan Bahan**

Penggunaan pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, bahan daripada internet, perisian kursus, serta bahan sastera dan

bukan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan untuk bacaan luas.

### **d. Penggunaan Tatabahasa yang Tepat**

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menekankan penggunaan tatabahasa yang tepat. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

### **e. Pengajaran dan Pembelajaran Bertema**

Pendekatan bertema amat digalakkan dalam pengajaran bahasa. Melalui pengajaran dan pembelajaran bertema, kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa, dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, guru perlu merancang dan menentukan tema bagi pengajarannya yang meliputi bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan, serta isu semasa.

### **f. Bacaan Luas**

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik untuk meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan ilmiah dan bahan sastera. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara serapan.

### **g. Penggabungjalinan**

Penggabungjalinan merupakan aspek yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui penggabungjalinan, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak.

Penggabungan berlaku antara hasil pembelajaran, serta antara kemahiran bahasa dengan tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa. Penggabungan ini diuraikan seperti yang berikut:

- i. Hasil pembelajaran khusus daripada bidang penggunaan bahasa yang sama atau daripada bidang penggunaan bahasa yang berlainan (umpamanya bidang interpersonal dan bidang maklumat) boleh digabungkan sesuai dengan objektif yang ingin dicapai dalam waktu pengajaran dan pembelajaran tertentu.
- ii. Sekurang-kurangnya dua daripada mana-mana kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis harus digabungkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti bahasa yang menggabungkan kemahiran bahasa ini bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran khusus dan hasil pembelajaran utama.
- iii. Tatabahasa hendaklah digabungkan dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis secara terancang dan dalam konteks.
- iv. Kosa kata dan peribahasa yang hendak diajarkan harus digabungkan secara terancang dengan kemahiran dan aktiviti bahasa, misalnya melalui aktiviti lakonan atau perbincangan; membaca dan menaakul teks yang mengandungi kosa kata (sama ada kata umum atau istilah) dan peribahasa; serta melalui latihan menggunakan kosa kata dan peribahasa yang betul dalam pelbagai genre penulisan.

#### **h. Penyerapan**

Penyerapan ialah proses menerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, dan kemahiran bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Penyerapan unsur-unsur tertentu diuraikan seperti yang berikut:

- i. Isi pelajaran Bahasa Melayu menerapkan pelbagai bidang ilmu mencakup pelbagai tema, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan.
- ii. Semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan hendaklah diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Meskipun penyerapan dilakukan secara sedar dan terancang namun murid menyerap ilmu dan nilai tersebut secara natural.
- iii. Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu ini memberikan penekanan pada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara kemahiran berfikir yang perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah seperti yang berikut:
  - Mencirikan
  - Mengelaskan, mengumpulkan, mengategorikan
  - Menghubungkan
  - Membandingkan dan membezakan
  - Menyusun mengikut keutamaan
  - Menentukan urutan
  - Mengenal pasti kenyataan benar atau palsu
  - Membezakan fakta dengan pendapat
  - Menganalisis
  - Mengesan kecondongan pendapat
  - Mengenal pasti sebab akibat
  - Meraikan

- Mensistesisikan
- Mengitlak
- Menganalogikan
- Membuat inferens
- Membuat kesimpulan
- Menginterpretasikan, mentafsirkan
- Menilai
- Menjanakan idea
- Mereka cipta
- Merumuskan, meringkaskan
- Membuat keputusan
- Menyelesaikan masalah

Untuk membolehkan kemahiran tersebut dikuasai murid, alat berfikir seperti penyusun grafik, soalan (bertumpu, bercapah dan lingkaran soalan) serta peta minda perlu digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- iv. Kemahiran bernilai tambah yang lain, iaitu kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual juga perlu diserapkan dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai, kebolehan murid, serta sumber yang ada.

#### **i. Penilaian**

Penilaian ialah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran dan objektif pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penilaian yang berterusan perlu dijalankan. Melalui penilaian yang berterusan, guru dapat memastikan tindakan susulan yang perlu diambil

terhadap seseorang murid sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan.

#### **j. Pemulihan**

Aktiviti pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kadar kemampuan murid.

#### **k. Pengayaan**

Aktiviti pengayaan perlu diberikan penekanan kerana murid berbeza tahap kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal atau dalam jangka masa yang ditetapkan diberikan aktiviti atau tugasan yang lebih mencabar, yang dilaksanakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru.

### **SISTEM BAHASA**

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

#### **a. Tatabahasa**

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

##### **I. Morfologi**

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan

bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan kata yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan ialah:

- i. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi:
  - kata asli bahasa Melayu
  - kata pinjaman bahasa Melayu

- ii. Bentuk kata terdiri daripada:
  - kata tunggal
  - kata terbitan
  - kata majmuk
  - kata ganda

Proses pembentukan kata bahasa Melayu meliputi:

- pengimbuhan
- penggandaan
- pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan di atas, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna, termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

- iii. Golongan kata terdiri daripada:
  - kata nama
  - kata kerja
  - kata adjektif
  - kata tugas

## II. Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- i. Unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan pembinaannya, serta pembahagian subjek dan predikat
- ii. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan
- iii. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- iv. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- v. Binaan ayat:
  - ayat dasar
  - ayat tunggal
  - ayat terbitan atau majmuk
- vi. Proses penerbitan ayat:
  - Konsep ayat terbitan
  - Proses pengguguran
  - Proses penyusunan semula
  - Proses peluasan
- vii. Aspek tanda baca

### b. Sistem Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

- i. Pola keselarasan huruf vokal
- ii. Ejaan kata pinjaman
- iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan

### c. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

#### i. Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

#### ii. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:

- ayat penyata
- ayat tanya
- ayat perintah
- ayat seruan
- ayat terbalik atau songsang
- ayat aktif
- ayat pasif

Pola intonasi bagi ayat yang panjang juga perlu diajarkan agar murid dapat menyampaikan maksud dengan jelas.

- \* Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- \* Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pengajaran.

### d. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah.

Penguasaan kosa kata ini ialah lanjutan daripada peringkat sekolah rendah. Penguasaan kosa kata tersebut perlu ditingkatkan dan dikembangkan selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah menengah.

### e. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia. Penguasaan peribahasa ini merupakan lanjutan daripada penguasaan peribahasa pada peringkat sekolah rendah. Peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks. Buku-buku peribahasa Melayu boleh dijadikan sumber rujukan.

## KOMPONEN KESUSASTERAAN MELAYU

Komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu meliputi karya sastera yang berbentuk cerpen, novel, drama, prosa tradisional, sajak, dan puisi tradisional iaitu pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama. Novel dan antologi sastera yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan hendaklah digunakan.

- \* Senarai karya komponen kesusasteraan Melayu dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000 bertarikh 23 Februari 2000. Senarai karya mungkin akan bertukar dari masa ke masa.



## PENGISIAN KURIKULUM

Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Semua elemen ini diserapkan dalam konteks bagi ketiga-tiga bidang yang terdapat dalam penggunaan bahasa. Penerangan ringkas bagi setiap pengisian ini adalah seperti yang berikut:

### a. Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu sains dan geografi yang boleh digunakan untuk memperkembangkan ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

### b. Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni masyarakat Malaysia harus dipupuk dengan terancang sama ada secara langsung atau tidak langsung dan dilanjutkan di peringkat antarabangsa selaras dengan tuntutan nilai sejagat.

Nilai murni ini ialah:

- Baik hati
- Berdikari
- Hemah tinggi
- Hor mat-menghor mati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan
- Keberanian
- Kebersihan fizikal dan mental
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Kesyukuran
- Patriotisme
- Rasional
- Semangat bermasyarakat

### c. Kewarganegaraan

Penyerapan unsur patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Bahasa Melayu mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat kepada tanah air. Pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen terhadap bangsa dan negara.

### d. Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa. Peraturan ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

### e. Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Kemahiran bernilai

tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah adalah seperti yang berikut:

i. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

ii. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka boleh menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan memperoleh maklumat melalui internet.

iii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi

dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

iv. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

v. Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

vi. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

vii. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

## I. Hasil Pembelajaran Bidang Interpersonal

Bidang Interpersonal berfokus pada keupayaan murid berkomunikasi berasaskan bahasa dengan menggunakan kata, frasa, rangkai kata, ungkapan, dan ayat secara bertatasusila untuk mengekalkan hubungan melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial atau berurusan untuk tujuan komersial. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang boleh dicapai oleh murid dalam Bidang Interpersonal ialah berinteraksi, memberikan pendapat, berunding, membuat pertimbangan, memujuk, dan mengurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>1.0 Berinteraksi untuk menjalin dan mempererat hubungan mesra</b></p> <p>1.1 Berbual dan berbicara tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian yang menyentuh diri, keluarga, rakan dan masyarakat dengan menggunakan kata, sebutan dan intonasi, serta nada yang sesuai.</p> <p>1.2 Mendengar dan memberikan respons secara lisan dan bertulis tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain.</p> <p>1.3 Menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan bahan yang dikemukakan dengan menggunakan kata dan ungkapan yang sesuai.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Berbual tentang masalah harian dan isu semasa dengan menggunakan ungkapan yang sesuai.</p> <p>ii. Memberikan reaksi yang bersesuaian dengan pernyataan yang dikemukakan oleh orang yang dilawan berbicara.</p> <p>iii. Mengemukakan alasan untuk menarik diri daripada meneruskan berbual secara sopan.</p> <p>iv. Mengemukakan penjelasan lanjut tentang sesuatu kemusykilan dalam berbual.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan sesi perbincangan intelek dalam kumpulan kecil untuk meningkatkan kecemerlangan remaja kini dengan menggunakan kata dan ungkapan yang sesuai.</li> <li>• Reaksi verbal dan nonverbal harus digalakkan misalnya mengiakan pernyataan, mengangguk, memperlihatkan kekaguman dan mendapatkan penegasan.</li> <li>• Contoh pernyataan menarik diri “Maafkan saya, saya terpaksa...”</li> <li>• Menjalankan sesi perbincangan intelek berdasarkan sesuatu isu dengan memberikan penekanan pada reaksi, alasan atau penjelasan lanjut secara beradab.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.4 Bersoal jawab secara bertatasusila tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.</p> <p>1.5 Berbincang dan membidas hujah dengan sopan dalam pelbagai situasi.</p> <p>1.6 Menyatakan perasaan secara berterus terang dan beradab tentang sesuatu perkara untuk mengekalkan hubungan.</p>	<p>v. Menyoal dengan menggunakan teknik lingkaran soalan pelbagai aras untuk meneruskan perbualan.</p> <p>vi. Menyatakan perkara yang sebenar yang dimaksudkan dengan memilih kata yang mudah difahami.</p> <p>vii. Menangkis hujah secara sopan dalam suasana perbincangan.</p> <p>viii. Membuat penilaian sendiri dan mengungkapkannya kepada orang lain untuk berkongsi pengalaman.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Menyangkal pernyataan lawan dengan mengemukakan hujah yang meyakinkan.</p> <p>ii. Meluahkan rasa terkilan dan serba salah kepada seseorang.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Mengemukakan kritikan membina serta mengambil kira sensitiviti orang lain.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk tujuan tersebut, gabungkan soalan bertumpu dan bercapah yang sesuai agar maklumat yang lengkap diperolehi.</li> <li>• Kemahiran ini melatih murid menjelaskan pendirian untuk mengelakkan kekeliruan dan kekaburan mesej.</li> <li>• Gunakan prateks yang memperlihatkan diplomasi seperti "Kata-kata kamu tadi ada rasionalnya, namun, .."</li> <li>• Menulis catatan refleksi sendiri dan mengungkapkannya kepada rakan untuk berkongsi pengalaman.</li> <li>• Mengadakan perbahasan ala parlimen berdasarkan isu semasa dengan mengemukakan hujah yang meyakinkan.</li> <li>• Melakonkan situasi kegagalan seseorang mendapatkan sesuatu dengan meluahkan rasa terkilan dan serba salah tanpa menyinggung perasaan orang lain.</li> <li>• Menulis kritikan membina dengan mengambil kira perasaan orang lain berdasarkan bahan rangsangan yang disediakan seperti iklan dan gambar.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>2.0 Memberikan pendapat yang bernas sebagai sumbangan dalam perbincangan</b></p> <p>2.1 Mencetuskan idea bernas semasa memberikan pendapat dalam perbincangan.</p> <p>2.2 Menghuraikan idea yang bernas secara kritis dan kreatif.</p> <p>2.3 Memperkuat hujah dengan menggunakan contoh dan bukti.</p> <p>2.4 Mengemukakan cadangan yang membina untuk mencapai tujuan perbincangan.</p> <p>2.5 Memberikan penjelasan secara spontan tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan isu yang dikemukakan.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Menghubungkan topik dengan merujuk pelbagai sumber untuk mengemukakan idea yang bernas.</p> <p>ii. Menghubungkan idea utama dan idea sokongan untuk menunjukkan kesatuan.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Memperkukuh hujah berasaskan pengalaman dan sumber yang boleh dipercayai.</p> <p>ii. Mengusulkan cadangan yang praktikal dengan mengambil kira keperluan semasa dan akan datang.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Menjelaskan idea secara spontan dengan bahasa yang gramatis dan berkesan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh pernyataan mengaitkan bukti bagi idea yang diutarakan: “Saya ada terbaca tentang suatu kajian bahawa...”</li> <li>• Menjalankan aktiviti bacaan senyap untuk mengenal pasti dan menghubungkan idea utama dan dan idea sokongan berdasarkan bahan yang disediakan.</li> <li>• Menjalankan kajian kes untuk mengukuhkan hujah tentang sesuatu isu berasaskan pengalaman dan sumber yang sah.</li> <li>• Menjalankan aktiviti sumbang saran berasaskan sesuatu isu untuk memilih cadangan yang praktikal. Sisipkan kajian masa depan.</li> <li>• Menjalankan aktiviti wawancara berdasarkan topik semasa dengan menjelaskan idea secara spontan serta menggunakan ayat yang gramatis dan berkesan.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>3.0 Berunding secara santun untuk mendapat persetujuan dan kata sepakat</b></p> <p>3.1 Berbincang dengan menggunakan ragam bahasa dan gaya pengucapan yang betul semasa berunding.</p> <p>3.2 Berbincang untuk menerima dan menolak pandangan orang lain secara terbuka untuk mencapai kata sepakat.</p> <p>3.3 Menyatakan pendirian yang jelas dengan mengemukakan maklumat yang relevan.</p> <p>3.4 Mempertimbangkan semua aspek yang dikemukakan dalam perundingan secara rasional untuk mencapai kata sepakat supaya diterima oleh semua pihak.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Menggunakan kata dan ayat yang sesuai untuk mewujudkan suasana saling mempercayai dalam perundingan.</p> <p>ii. Mengaplikasikan laras bahasa dan gaya penyampaian yang sesuai semasa berunding.</p> <p>iii. Mentafsirkan hujah dan bahasa badan untuk mengatur langkah seterusnya.</p> <p>iv. Menyesuaikan pendapat sendiri dengan pandangan orang lain dalam perundingan untuk berkompromi.</p> <p>v. Merumuskan pernyataan awal yang dikemukakan untuk menegaskan pendirian sendiri.</p> <p>vi. Mengutarakan kekuatan dan kelemahan sesuatu pandangan secara wajar untuk menyedarkan perunding tentang impak pandangan tersebut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakukan simulasi mesyuarat untuk berunding tentang sesuatu permasalahan, menggunakan laras perundingan dan gaya penyampaian yang sesuai.</li> <li>• Galakkan murid menggunakan bahasa beralasan dan elakkan menggunakan bahasa yang tidak baku.</li> <li>• Menonton beberapa sedutan filem yang disenyapkan. Kemudian murid meneka pelbagai ekspresi wajah (marah, gembira dan sebagainya).</li> <li>• Menjalankan sesi perbincangan untuk melaksanakan suatu projek dengan mengambil kira pendapat orang lain dengan pendapat sendiri untuk mendapatkan keputusan bersama.</li> <li>• Berbincang untuk menentukan kekuatan dan kelemahan sesuatu pandangan dalam perundingan bagi tujuan menyedarkan perunding tentang impak pandangan tersebut.</li> <li>• Berbincang dalam kumpulan dan mencatat pandangan dalam lembaran pengurusan grafik.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p><b>Aras 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bertukar-tukar pendapat tanpa sikap prejudis dengan mengambil kira sensitiviti pihak lain untuk mengelakkan konflik.</li> <li>ii. Menolak pandangan dengan mengemukakan alasan dan bukti yang konkrit secara berhemah untuk menetapkan pendirian.</li> </ul> <p><b>Aras 3</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berbicara mengikut rentak dan suasana supaya perundingan berjalan lancar.</li> <li>ii. Menilai kesan dan akibat suatu keputusan secara rasional dan mengemukakan hasil penilaian untuk mencapai kesepakatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membaca teks dialog/lakonan dan membaiki pernyataan yang bersifat prejudis.</li> <li>• Mendengar rakaman diskusi dan memberikan komen tentang cara panel rundingan menolak pendapat semasa berunding.</li> <li>• Berbincang untuk menilai kesan dan akibat sesuatu keputusan secara rasional dan melaporkan hasil penilaian bagi mencapai persetujuan bersama dalam suasana perundingan yang kondusif.</li> <li>• Membincangkan beberapa contoh konkrit (yang terjadi dalam sejarah kehidupan manusia ) tentang kesan dan akibat sesuatu keputusan. Contoh: Kesan pemindahan organ.</li> </ul>



Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>4.0 Membuat pertimbangan untuk mencapai keputusan</b></p> <p>4.1 Mengesan kecondongan pendapat dan menimbang pelbagai pilihan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.</p> <p>4.2 Menjelaskan dan membuktikan pertimbangan secara rasional dan adil bagi meyakinkan pihak yang terlibat.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Mengenal pasti pernyataan dan gaya penyampaian seseorang untuk mengesan kecondongan pendapat.</p> <p>ii. Mengajukan pandangan tentang ramalan kesan dan akibat sesuatu cadangan yang dikemukakan.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Menimbang kebolehlaksanaan cadangan yang dikemukakan untuk memperoleh keputusan yang baik.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Mengambil kira nilai dan norma masyarakat untuk membuat pertimbangan yang wajar dan diterima oleh semua pihak.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton rancangan wawancara untuk mengesan dan mengenal pasti kecondongan pendapat sama ada pro dan kontra. Contoh: Wawancara tentang isu kenaikan harga barang-barang.</li> <li>• Memberikan pendapat tentang ramalan kesan dan akibat sesuatu cadangan yang dikemukakan selepas menonton rancangan wawancara atau diskusi.</li> <li>• Melengkapkan borang pengurusan grafik menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berdasarkan masalah yang dikemukakan.</li> <li>• Berbincang untuk menentukan sama ada keputusan yang dibuat boleh dilaksanakan atau tidak.</li> <li>• Menggunakan kemahiran menimbang pandangan orang lain untuk membuat pertimbangan yang wajar berasaskan nilai dan norma masyarakat Malaysia terhadap isu semasa yang dikemukakan.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>5.0 Memujuk untuk mempengaruhi pihak lain untuk melakukan sesuatu</b></p> <p>5.1 Berbicara dan merayu dengan menggunakan kata, ungkapan, dan ayat yang dapat memberikan kesan memujuk untuk mendapatkan sesuatu.</p> <p>5.2 Menggunakan hujah yang bernas dan meyakinkan untuk mempengaruhi pihak lain dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3 Merayu dengan menggunakan strategi yang berkesan untuk memujuk pihak lain.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Memilih dan mengucapkan kata ungkapan dan ayat yang mesra serta dapat menarik perhatian pihak yang ingin dipengaruhi.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Menggunakan pengetahuan serta pengalaman sendiri atau orang lain untuk mempengaruhi dan mengubah persepsi.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Menelaah dan mentafsir reaksi dan kecenderungan seseorang untuk menentukan bahasa dan gaya penyampaian yang tepat untuk memujuk.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti main peranan berdasarkan berdasarkan situasi yang diberikan dengan mengucapkan kata ungkapan dan ayat untuk mempengaruhi pihak lain. Contoh: Ibu menunjuk ajar anak agar lebih tekun belajar.</li> <li>• Menulis iklan untuk mempengaruhi dan mengubah persepsi orang lain dengan menggabungkan idea dan visual yang berkesan.</li> <li>• Menjalankan simulasi temu duga majikan-pemohon dengan menekankan kesesuaian pemohon dengan pekerjaanya yang dipohon.</li> <li>• Menulis rumusan tentang penggunaan bahasa dan gaya pengucapan memujuk berdasarkan bahan yang didengar dan dibaca.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>6.0 Berurus dengan pihak tertentu untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan</b></p> <p>6.1 Menggunakan sebutan, intonasi, dan unsur paralinguistik yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p> <p>6.2 Menggunakan perkataan, ungkapan, ayat, dan laras bahasa yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Berurus dengan pihak tertentu dalam situasi formal dan tidak formal dengan menggunakan laras bahasa dan gaya penyampaian yang sesuai.</p> <p>ii. Mengenal pasti pihak yang sesuai untuk dihubungi dan menggunakan etiket yang betul ketika berurus.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menjalankan aktiviti main peranan berdasarkan situasi yang diberikan dengan menggunakan laras bahasa dan gaya pengucapan yang sesuai. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Situasi seorang pesakit mendapatkan rawatan daripada doktor.</li> <li>ii. Seorang pembeli berurusan dengan pekedai membeli barangan elektrik.</li> </ul> </li> <li>▪ Menjalankan aktiviti lakonan perbualan telefon bagi mendapatkan perkhidmatan berdasarkan situasi tertentu secara bertatasusila.</li> </ul>
<p>6.3 Mengambil tindakan susulan terhadap pihak tertentu yang berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan.</p>	<p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Memparafrasa pernyataan untuk memperjelas tujuan berurusan bagi mengatasi kerumitan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menulis surat rayuan berdasarkan situasi masalah yang timbul ketika berurusan secara bertatasusila. Contoh: Surat rayuan permohonan ke institusi pengajian tinggi.</li> </ul>
	<p><b>Aras 3</b></p> <p>Berbincang dan tawar-menawar tentang terma dan syarat sebelum memutuskan sama ada menerima atau menolak barangan dan perkhidmatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Melakonkan situasi tawar-menawar sebelum mengambil keputusan untuk menerima dan menolak perkhidmatan dan pembelian barangan. Contoh: Menyewa rumah.</li> </ul>

## II. Hasil Pembelajaran Bidang Maklumat

Bidang Maklumat berfokus pada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan pelbagai pengetahuan dalam bidang ilmu. Pemerolehan maklumat didapati melalui mendengar, berbual, membaca, serta mengakses maklumat daripada multimedia. Hasil pembelajaran utama dan hasil pembelajaran khusus yang boleh dicapai oleh murid dalam Bidang Maklumat adalah untuk mendapat, memproses, dan menyampaikan maklumat.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>7.0 Mendapat maklumat daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton</b></p> <p>7.1 Mengenal pasti dan menyatakan gambaran keseluruhan, idea utama, isi penting, dan isi relevan tentang bahan yang didengar, dibaca, dan ditonton.</p> <p>7.2 Memahami dan menyatakan maksud perkataan sukar berdasarkan konteks.</p> <p>7.3 Mengemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Menyatakan persoalan pokok dan menganalisis isi yang relevan dan tidak relevan.</p> <p>ii. Memberi makna kata dan rangkai kata yang sukar difahami termasuk sinonim, antonim, homonim, polisem, hiponim dan pasangan minimal berdasarkan konteks.</p> <p>iii. Membina dan mengemukakan lingkaran soalan untuk mengemaskinikan maklumat.</p> <p>iv. Membaca pantas secara imbasan dan luncuran untuk menentukan bahan yang sesuai dengan tugas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membaca teks untuk menyatakan idea utama dan menganalisis yang relevan dan tidak relevan.</li> <li>• Melaksanakan aktiviti permainan bahasa Untuk mencari makna kita, termasuk sinonim, antonim, homonim, polisem, hiponim dan pasangan minimal berdasarkan konteks. Contoh: Teka silang kata, memadamkan kata, dan kotak rahsia.</li> <li>• Membina soalan berdasarkan bahan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi tujuan mengemaskinikan maklumat tugas yang diberi.</li> <li>• Membaca pantas secara imbasan dan luncuran untuk mencatatkan isi relevan dengan tugas yang diberikan.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>7.4 Membaca pantas secara imbasan dan luncuran untuk membuat rujukan pelbagai bahan bercetak dan bahan elektronik.</p> <p>7.5 Memahami dan meneliti maksud tersurat dan tersirat daripada sesuatu bahan.</p> <p>7.6 Membezakan fakta dengan pandangan dalam bahan yang dirujuk.</p> <p>7.7 Memahami laras bahasa bagi pelbagai jenis penulisan prosa.</p>	<p>v. Menghuraikan maksud tersirat dalam pernyataan.</p> <p>vi. Memberikan pendapat berdasarkan fakta yang diberikan.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Menilai ketepatan maksud tersirat dengan mengemukakan alasan yang wajar.</p> <p>ii. Mengemukakan fakta atau pandangan tambahan untuk mengukuhkan wacana.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Menganalisis penggunaan diksi, istilah dan ayat dalam teks pelbagai laras.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melengkapkan lembaran pengurusan grafik dengan menjelaskan maksud tersirat bagi pernyataan yang diberikan</li> <li>• Mengulas fakta yang terdapat dalam bahan yang didengar, ditonton dan dibaca.</li> <li>• Menjalankan aktiviti secara stesen untuk menganalisis diksi, istilah dan ayat pelbagai laras.</li> <li>• Membina perenggan yang menggabungkan pernyataan fakta dan pandangan.</li> <li>• Merujuk internet dan laporan statistik untuk mencari fakta yang relevan dengan pandangan yang diutarakan dalam karangan.</li> <li>• Melengkapkan borang KWLH atau KWL dan berbincang tentang teks yang menggunakan laras undang-undang atau manual yang menggunakan laras teknologi dari segi maksud istilah dan ayat.</li> <li>• Menyampaikan tunjuk cara atau taklimat dengan mengaplikasikan sebahagian besar istilah dan ayat yang telah dipelajari dalam langkah di atas.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>8.0 Memproses maklumat untuk keperluan tertentu</b></p> <p>8.1 Menyaring maklumat mengikut klasifikasi.</p> <p>8.2 Menyusun maklumat mengikut keutamaan.</p> <p>8.3 Membuat pertimbangan secara teliti terhadap maklumat yang telah disusun.</p> <p>8.4 Mengolah maklumat secara koheren untuk tujuan tertentu.</p> <p>8.5 Mentafsirkan maklumat yang telah dipilih secara rasional untuk membuat inferens.</p>	<p><b>Aras I</b></p> <p>i. Memilih dan mengkategorikan maklumat yang diperolehi untuk tujuan tertentu.</p> <p>ii. Menyusun maklumat yang lebih mantap daripada susunan asal berasaskan kepentingan tertentu.</p> <p>iii. Meneliti semula kerelevanan maklumat.</p> <p>iv. Mengolah maklumat untuk memperoleh pertautan idea.</p> <p>v. Menterjemah maklumat secara jelas untuk membuat inferens.</p> <p>vi. Membuat penyesuaian terhadap maklumat dengan merumuskan dapatan baru.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendengar, menonton dan membaca pelbagai bahan tentang sesuatu isu untuk memilih dan mengkategorikan maklumat yang diperolehi.</li> <li>• Berbincang untuk menyusun maklumat yang relevan berdasarkan isu yang dipilih.</li> <li>• Membuat pemerenggan secara koheren dalam penulisan karangan.</li> <li>• Berbincang dalam kumpulan kecil untuk memendekkan, menyambung dan melengkapkan idea agar idea keseluruhan lebih jelas. Teknik ramalan boleh diaplikasikan.</li> <li>• Menggunakan teknik 3R untuk membuat kesimpulan terhadap maklumat yang tersirat dalam teks.</li> <li>• Menggunakan teknik SQ3R untuk menambahkan dan menyesuaikan maklumat baru yang diperolehi daripada pelbagai bahan.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>8.6 Menyemak semula maklumat dan memutuskan sama ada hendak menerima, menambah, atau menolak pilihan.</p> <p>8.7 Menilai secara keseluruhan sesuatu maklumat dengan memberikan alasan yang kukuh.</p> <p>8.8 Membuat rumusan dengan alasan yang munasabah.</p>	<p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Mentafsirkan maklumat dengan mengemukakan alasan yang sesuai.</p> <p>ii. Menilai maklumat yang diolah dari perspektif yang lebih luas dengan menggunakan alasan yang jitu.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Membuat refleksi dan merumuskan maklumat dengan fakta dan alasan yang konkrit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat inferens dari segi logik kes berdasarkan rakaman drama penyiasatan (<i>whodunnit</i>).</li> <li>• Menjalankan perbincangan untuk menimbangkan fakta suatu kes mahkamah.</li> <li>• Menghasilkan rencana dengan menilai maklumat daripada pelbagai perspektif.</li> <li>• Menyemak semula tugas dengan teliti dan membuat refleksi untuk merumuskan maklumat dengan fakta dan alasan yang lebih jitu.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>9.0 Menyampaikan maklumat untuk tujuan tertentu</b></p> <p>9.1 Menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa, dan ayat yang tepat serta indah untuk menyampaikan maklumat secara tersusun dan kohesif.</p> <p>9.2 Menentukan format penyampaian dan jenis penulisan yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.</p> <p>9.3 Menyediakan kerangka penyampaian dan bahan edaran untuk membuat pembentangan.</p> <p>9.4 Menyediakan hujah dan alasan serta menyampaikan maklumat untuk sesuatu pembentangan.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa, dan pelbagai jenis ayat yang tepat untuk menyampaikan maklumat.</p> <p>ii. Menentukan format pengendalian debat dan menjelaskan format penulisan debat.</p> <p>iii. Memberikan pendapat dengan alasan yang sesuai untuk membuat persembahan.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Menentukan format pengendalian mesyuarat.</p> <p>ii. Memberikan pendapat dengan alasan yang sesuai untuk membuat pembentangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton rakaman video majlis perdebatan untuk mendapatkan format pengendalian majlis perdebatan dan penulisan teks.</li> <li>• Mengambil bahagian dalam perdebatan dengan menyampaikan hujah menggunakan kata istilah frasa, rangkai kata, peribahasa dan pelbagai jenis ayat yang tepat indah dan menggunakan intonasi yang sesuai.</li> <li>• Minta murid membuat pertimbangan dari aspek tajuk, masa, khlayak dan bahan bantu dalam persembahan.</li> <li>• Berbincang untuk menentukan format pengendalian dan menjalankan aktiviti main peranan sebagai ahli jawatankuasa (tugas pengerusi, setiausaha, dan bendahari dalam satu mesyuarat.</li> <li>• Berbincang untuk menulis laporan minit mesyuarat mengikut format yang betul.</li> </ul>



Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Menentukan format ulasan selari dan komentar.</p> <p>ii. Menjelaskan format ulasan selari dan komentar.</p> <p>iii. Menganalisis hujah berdasarkan penyelidikan dan kajian serta mengemukakannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menonton rakaman video dan mendengar rakaman audio tentang sesuatu acara untuk menentukan format penyampaian ulasan selari.</li><li>• Menyampaikan ulasan berdasarkan situasi sesuatu acara yang ditetapkan. Contoh: Perlawanan bola sepak, sambutan hari kemerdekaan.</li><li>• Membuat komentar tentang laporan sesuatu kajian kes atau laporan di tempat kejadian dengan menggunakan pelbagai jenis ayat.</li></ul>

### III. Hasil Pembelajaran Bidang Estetik

Bidang Estetik berfokus kepada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa. Bidang Estetik juga mementingkan penikmatan hasil karya yang indah, pelahiran perasaan, serta membuat apresiasi dan penghayatan. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang perlu dicapai oleh murid dalam Bidang Estetik adalah untuk memahami, menguasai, dan menghasilkan penulisan kreatif.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>10.0 Memahami dan memberikan respons peribadi tentang karya sastra</b></p> <p>10.1 Menceritakan semula sesebuah karya secara keseluruhan.</p> <p>10.2 Mengenal pasti perkara yang menarik dalam sesebuah karya.</p> <p>10.3 Menyatakan bentuk dan nada puisi.</p> <p>10.4 Menyatakan jenis, ciri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai, dan pengajaran.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Menyatakan makna kata dan ungkapan berdasarkan konteks untuk meningkatkan apresiasi.</p> <p>ii. Membuat sinopsis dengan menggunakan bahasa yang menarik.</p> <p>iii. Menganalisis karya prosa dan puisi untuk mengenal pasti aspek-aspek yang menarik.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Menjelaskan teknik plot dalam karya.</p> <p>ii. Menganalisis watak dan perwatakan dalam karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membaca senyap petikan karya sastra dan menghuraikan makna kata dan ungkapan mengikut konteks.</li> <li>Mengadakan teater bercerita karya sastra yang telah dibaca dan seterusnya menulis sinopsis karya tersebut.</li> <li>Menjalankan aktiviti 'penulisan idea' berdasarkan karya sastra untuk menganalisis unsur-unsur yang menarik. Contoh: Watak antagonis dan protagonis, dan gaya bahasa.</li> <li>Membuat perubahan plot dengan menggunakan teknik imbas kembali.</li> <li>Membuat pelukisan watak untuk menganalisis dan menghuraikan watak dan perwatakan dalam karya yang dibaca.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>10.5 Menghuraikan maksud, gaya bahasa, dan unsur bunyi dalam puisi.</p> <p>10.6 Mengulas karya sastera dari aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa, dan sudut pandangan.</p>	<p>iii. Memahami dan menghayati nilai dalam karya untuk dijadikan iktibar dalam kehidupan.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Menjelaskan sudut pandangan dalam karya.</p> <p>ii. Mengenal pasti dan memahami penggunaan hiperbola dan imejan dalam karya.</p> <p>iii. Menganalisis kekuatan dan kelemahan karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang dalam kumpulan tentang nilai dan pengajaran dalam karya yang dibaca dan membuat hubung kait dengan kehidupan.</li> <li>• Membuat pemetaan sudut pandangan dan teknik plot dalam karya yang dibaca.</li> <li>• Mendengar lagu puisi untuk mengenal pasti dan mengkategorikan penggunaan hiperbola dan imejan dengan menggunakan lembaran pengurusan grafik.</li> <li>• Mengadakan diskusi sastera untuk membincangkan kekuatan dan kelemahan karya yang dibaca dalam pelbagai aspek.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>11.0 Menguasai gaya bahasa dan laras bahasa dalam penulisan kreatif dan bukan kreatif</b></p> <p>11.1 Mengenal pasti gaya bahasa dalam karya bukan sastera serta menggunakannya dalam penulisan bukan kreatif.</p> <p>11.2 Menganalisis gaya bahasa dan unsur bunyi dalam karya sastera serta menggunakannya dalam penulisan kreatif.</p> <p>11.3 Membandingkan penggunaan laras bahasa dalam pelbagai genre</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Mempelbagaikan penggunaan kata dan struktur ayat dalam karya bukan sastera.</p> <p>ii. Menilai karya dari aspek diksi, binaan ayat dan wacana dalam karya sastera.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Merumuskan unsur keindahan dalam karya sastera.</p> <p>ii. Mengenal dan menghuraikan penggunaan laras perubatan dan kejuruteraan.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Menganalisis laras politik dan undang-undang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan ragam ayat/retorik dalam perenggan. Contoh: bahasa menaik, bahasa, menurun, bahasa terbalik dan pleonas me. Contoh pleonas me: <i>Mentari terbit pagi</i>.</li> <li>• Membezakan gaya bahasa dalam karya prosa dan moden dan tradisional.</li> <li>• Menghasilkan ulasan tentang aspek gaya bahasa dan unsur bunyi dalam karya moden dan tradisional.</li> <li>• Menjelaskan maksud ayat dalam petikan yang berkaitan dengan cabang perubatan (contohnya farmakologi, dan psikiatri) serta kejuruteraan (contohnya kejuruteraan awam dan mekanikal).</li> <li>• Menghuraikan penggunaan istilah dalam teks yang menggunakan laras politik, contohnya resolusi damai, dan laras undang-undang misalnya dokumen tentang terma dan syarat perjanjian dalam bahasa yang mudah difahami oleh orang kebanyakan.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p><b>12.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif</b></p> <p>12.1 Menghasilkan prosa dan puisi secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat, indah, dan menarik.</p> <p>12.2 Memilih isi yang bernas dan membina kerangka penulisan.</p> <p>12.3 Membina ayat topik dan ayat huraian untuk membina perenggan yang kohesif.</p> <p>12.4 Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan perenggan yang koheren.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>i. Menghasilkan karangan wawancara, resensi /ulasan, cerpen dan bahas.</p> <p>ii. Membandingkan isi untuk menentukan kesesuaian isi dengan tajuk tugas.</p> <p>iii. Menghasilkan gurindam dan sajak mudah.</p> <p>iv. Memberikan alasan dan cadangan yang baik untuk mengupas dan mengembangkan idea/isi utama.</p> <p>v. Menyemak penulisan dari aspek tanda baca, ejaan dan penggunaan penanda wacana.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menukarkan teks rencana yang sesuai kepada bentuk teks wawancara.</li> <li>• Bincangkan kedua-dua bentuk karangan bahas.</li> <li>• murid mendapatkan isi tambahan dengan membuat rujukan perpustakaan untuk memantapkan isi.</li> <li>• Memahami sajak dan gurindam dengan menggunakan teknik mengalami dan menghayati dan menulis sajak dan gurindam berdasarkan tema/persoalan dan mesej yang telah ditetapkan.</li> <li>• Teknik 5W1H diaplikasikan untuk mengembangkan isi.</li> <li>• Latihan menyemak kerja rakan dan membuat pembedaan selepas disemak dan mencatat kekuatan dan kelemahan karangan yang disemak.</li> </ul>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>12.5 Membina baris puisi dengan kemas dan dan indah.</p> <p>12.6 Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang telah dihasilkan.</p>	<p><b>Aras 2</b></p> <p>i. Menulis taklimat, forum, minit mesyuarat dan cerpen.</p> <p>ii. Menghasilkan penulisan argumentatif yang matang.</p> <p>iii. Menghasilkan skrip drama purba yang diselitkan pantun dan bahasa berirama.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>i. Menghasilkan skrip drama, teks pengacara dan ulasan, kritikan dan polemik sastera.</p> <p>ii. Menghasilkan sajak yang memperlihatkan kreativiti yang tinggi dari segi idea dan gaya penulisan.</p> <p>Mengedit tugas sendiri dan tugas rakan dari aspek tatabahasa, tanda baca, kejituan idea, serta penggunaan kosa kata dan wacana.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalankan simulasi dan main peranan mesyuarat sebelum minit ditulis. Notis mesyuarat juga harus disediakan.</li> <li>• Latihan menyudahkan cerpen.</li> <li>• Menonton rakaman bahas, dan menghasilkan teks bahas yang lengkap. Bahagikan kelas kepada dua bahagian, untuk menulis teks pencadang dan teks pembangkang. Minta pelajar mengadakan debat tentang tajuk yang sama sebagai aktiviti pengukuhan.</li> <li>• Membina skrip secara berkumpulan. Pastikan pelajar membina plot dahulu, dan menentukan idea tentang latar (<i>setting</i>), prop dan muzik.</li> <li>• Memperdengarkan drama radio, dan mengubahsuaikan skrip sebabak untuk membina peleraian cerita yang berbeza.</li> <li>• Jalankan projek penerbitan kompilasi sajak berasaskan suatu tema, contohnya warisan budaya. Di mana-mana yang sesuai, buat ilustrasi bagi sajak.</li> <li>• Latihan mengedit bahan secara berpasangan.</li> </ul>